



JABATAN PERTANIAN
(Department of Agriculture)
BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK
(Pesticides Control Division)
TINGKAT 4 - 6, WISMA TANI
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50632 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: 03-20301400 Faks: 03-26917551

Ruj. Tuan : B.81/05.20/Jld.
(Your Ref.) V(25)
Ruj. Kami :
(Our Ref.)
Tarikh : 12 Dis. 2008
(Date)

Tuan/Puan,

**AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974
KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK
(PENDAFTARAN) (PINDAAN) 2008**

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Racun Makhluk Perosak telah membuat pindaan kepada Kaedah-Kaedah Pendaftaran 2005.
3. Sehubungan dengan pindaan ini, adalah dimaklumkan bahawa bayaran bagi permohonan untuk pendaftaran atau pendaftaran semula sesuatu racun makhluk perosak adalah seribu lima ratus ringgit dan perlu dibayar semasa permohonan dibuat. Manakala, bayaran bagi pendaftaran dan pendaftaran semula racun makhluk perosak yang akan didaftar di bawah pindaan ini adalah mengikut kelas seperti berikut:-
 - i. Tiga ribu lima ratus ringgit bagi racun makhluk perosak Kelas Ia, dan Kelas Ib.
 - ii. Dua ribu ringgit bagi racun makhluk perosak Kelas II.
 - iii. Satu ribu ringgit bagi racun makhluk perosak Kelas III.
 - iv. Lima ratus ringgit bagi racun makhluk perosak Kelas IV.
4. Pindaan kepada kaedah-kaedah ini akan mula berkuatkuasa pada 1 **Januari 2009**. Walau bagaimana pun, bayaran bagi pendaftaran atau pendaftaran semula sesuatu racun makhluk perosak yang dibuat **sebelum** tarikh kuatkuasa pindaan ini akan terus terpakai.


(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

5. Sebagai langkah pentadbiran bagi tujuan memudahkan proses pengurusan permohonan-permohonan pendaftaran selepas 1 Jan. 2009, Lembaga akan melaksanakan langkah-langkah berikut:
- i. Sistem kuota 25 permohonan baru sebulan berdasarkan prinsip *first come first serve*. Kadar ini adalah bertujuan memastikan setiap permohonan dapat diproses dengan sempurna selaras dengan keupayaan makmal dan penilaian teknikal serta untuk mengelakkan berlakunya kelewatan dalam proses pendaftaran dan pendaftaran semula. Satu senarai menunggu (*waiting list*) akan diwujudkan bagi permohonan yang melebihi kuota bulan berkenaan untuk diterima pada bulan berikutnya.
 - ii. Setiap syarikat hanya dibenarkan mengemukakan tidak lebih daripada dua produk sahaja sebulan.
 - iii. Keutamaan akan diberi kepada racun perosak kategori berikut:
 - Bahan aktif proprietary
 - Bahan aktif campuran yang belum didaftarkan
 - Perumusan baru yang belum didaftarkan yang lebih selamat digunakan
 - Produk bagi tanaman yang belum ada pengesyoran yang berdaftar

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(NURSIAH MOHAMAD TAJOL AROS)
Setiausaha
Lembaga Racun Makhluk Perosak.

S/K: Pengarah Eksekutif, MCPA